

Kepentingan Wasiat dan Hibah

Fathullah Asni

Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis

Sinar Harian bertarikh 27 Mei 2020 melaporkan bahawa terdapat sebanyak RM62 bilion nilai harta pusaka orang Islam dibekukan dan tidak dapat diselesaikan. Selain itu, terdapat lebih daripada RM4 bilion wang yang tidak dituntut oleh pemilik serta masih dipegang oleh Unit Perbendaharaan Bank Negara berikutan kegagalan para pewaris membuat tuntutan terhadap harta tersebut. Jumlah ini jauh lebih besar dan terus meningkat ketika direkodkan oleh *Utusan Malaysia* pada tahun 2009, iaitu sebanyak RM42 bilion.



Antara punca permasalahan ini berlaku termasuklah kesukaran menguruskan pembahagian harta pusaka yang melibatkan proses penyerahan harta pusaka kepada ahli waris. Selain itu, permasalahan tersebut juga berpunca daripada kesukaran harta pusaka untuk dipecahkan atau dibahagikan, seperti aset rumah, bangunan atau tanah kerana dikongsi oleh ramai pewaris, dan kesukaran mengesan atau menjejaki pewaris. Tambahan pula, aset tanah yang dipecahkan menjadi lebih kecil, akan membawa risiko hilang nilai ekonomi terhadap harta tersebut. Permasalahan ini juga berpunca daripada tanggapan masyarakat awam yang masih berpegang bahawa instrumen untuk menguruskan harta selepas kematian adalah melalui kaedah pusaka semata-mata.

Sebenarnya terdapat dua lagi instrumen penting yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat Islam sebagai alternatif kepada kaedah pusaka, iaitu wasiat dan hibah. Kaedah wasiat dan hibah juga dilihat amat sesuai diamalkan seiring dengan peredaran masa, serta perubahan corak hidup dan tabiat masyarakat tanpa mengetepikan kepentingan hukum pusaka dalam aspek pembahagian harta. Hal ini disebabkan kaedah pengagihan harta secara hibah dan wasiat tidak perlu melalui proses pentadbiran yang rumit seperti yang diperlukan dalam permohonan dan penyelesaian harta peninggalan secara pusaka yang melibatkan banyak pihak. Maka itu, tidak timbul masalah penangguhan, kelewatan atau tunggakan kes pengagihan harta. Masalah pengabaian pembahagian harta juga tidak timbul memandangkan pemberian telah dibuat ketika hayat pemilik harta kepada para pewaris.

Umat Islam hendaklah meyakini bahawa agama Islam sesuai untuk diamalkan sepanjang zaman dan tempat. Ajaran Islam bukan sekadar merungkaikan sesuatu permasalahan dengan satu kaedah, tetapi memberikan pelbagai kaedah yang sesuai untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan. Misalnya, Islam memberikan beberapa kaedah untuk mendapatkan keuntungan, iaitu melalui kaedah pelaburan, sewaan atau jual beli selagi dibenarkan oleh syarak. Namun begitu, hal ini tertakluk kepada rukun dan syarat yang disusun oleh para ulama, serta menghindari kaedah pengambilan untung dengan kaedah yang diharamkan seperti riba. Demikian juga dalam masalah warisan harta selepas kematian, hal

ini boleh diselesaikan dengan beberapa kaedah, iaitu sama ada melalui kaedah pusaka, wasiat atau hibah. Walau bagaimanapun, penyelesaian ini tertakluk kepada peraturan, rukun dan syarat yang disusun oleh kitab fiqah.

Pembahagian harta melalui kaedah pusaka berlaku secara automatik selepas berlaku kematian tanpa ditetapkan oleh si mati atau wakil daripada ahli keluarga. Kaedah pembahagian harta melalui hibah dan wasiat pula hendaklah diuruskan semasa pemilik harta masih hidup. Secara mudahnya, pusaka atau faraid didefinisikan sebagai bahagian yang ditetapkan oleh syarak kepada pewaris pemilik harta. Ilmu pusaka menjelaskan secara terperinci golongan yang dianggap waris kepada si mati yang berhak menerima harta pusaka dengan adil mengikut kadar bahagian yang telah ditentukan oleh syarak. Maka itu, satu kaedah perkiraan atau pembahagian harta si mati kepada para waris yang berhak telah ditetapkan dengan tepat. Terdapat beberapa ayat yang dikenali sebagai ayat *mawarith* (pusaka) dalam al-Quran seperti yang dinyatakan dalam *Surah al-Nisa'* ayat 11-12 dan ayat 176.

Wasiat ialah pemberian milik kepada seseorang secara sukarela yang dilaksanakan selepas kematian pewasiat sama ada dalam bentuk benda atau manfaat. Pemberian wasiat hendaklah dengan had maksimum satu pertiga harta pusaka, dan ditujukan kepada bukan waris. Jika hendak ditujukan kepada pewaris, hal ini hendaklah mendapat persetujuan daripada semua pewaris. Sementara baki dua pertiga daripada harta yang diwasiatkan hendaklah diberikan secara pusaka kepada ahli waris seperti yang telah ditetapkan dalam al-Quran.

Hibah pula ialah pemberian daripada pemberi kepada penerima yang dibuat atas dasar kasih sayang. Secara prinsipnya, pemilik harta boleh memberikan hartanya sebagai hibah kepada sesiapa sahaja yang dikehendakinya. Hibah boleh diberikan kepada ahli waris atau bukan ahli waris. Terdapat beberapa jenis hibah, antaranya termasuklah hibah jenis *ruqba*. Hibah jenis ini merupakan pemberian yang diikat dengan syarat tertentu. Hibah jenis *ruqba* didefinisikan sebagai pemberian hak milik sesuatu harta kepada orang lain selepas berlaku kematian. Dengan kata lain, pemberian itu tidak berlaku secara serta-merta, tetapi terikat dengan syarat pemberian berlaku selepas pemberi meninggal dunia. Oleh

itu, semasa pemberi masih hidup, dia boleh memanfaatkan harta hibah tersebut. Hibah jenis *ruqba* diharuskan dan dibenarkan untuk diamalkan di Malaysia melalui keputusan Mesyuarat Suruhanjaya Sekuriti Syariah dan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. Kedua-dua institusi tersebut merupakan rujukan tertinggi dari sudut perundangan dalam bidang kewangan Islam di Malaysia.

Hibah jenis *ruqba* popular dan banyak diamalkan di Malaysia. Terdapat beberapa syarikat di Malaysia yang menguruskan hibah jenis ini, seperti Amanah Raya Berhad, Wasiyyah Shoppe, As-Salihin Trustee Bhd dan Warisan Mukmin. Kaedah ini juga turut dimasukkan dalam skim takaful, pelaburan dan simpanan. Amalan hibah di Malaysia melibatkan dokumentasi hibah, iaitu prosuder khas yang digalakkan untuk dilakukan oleh penghibah semasa hayatnya. Fungsi dokumen tersebut adalah untuk memastikan harta yang diberikan kepada orang tersayang diterima tanpa boleh dicabar oleh waris lain.

Ketiga-tiga instrumen tersebut merupakan kaedah yang dibenarkan oleh syarak dan turut diperakukan oleh badan fatwa rasmi di Malaysia. Dari sudut perbandingan, kaedah pemberian atau pembahagian harta melalui hibah amat luas berbanding dengan instrumen wasiat dan pusaka. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah pemberian harta melalui hibah tidak dihadkan siapa penerimanya dan berapa jumlah harta yang dimilikinya. Sementara pemberian dan pembahagian harta melalui kaedah wasiat dan pusaka terdapat had harta dan ciri individu tertentu yang ditentukan oleh syarak.

Masyarakat Islam digalakkan untuk memilih kaedah yang terbaik untuk menguruskan harta selepas kematian mereka dengan melihat pelbagai faktor. Misalnya, sekiranya si mati meninggalkan isteri yang tidak bekerja dan anak-anak yang masih kecil, maka kaedah pembahagian harta melalui pusaka tidak sesuai kerana rumah si mati tersebut akan dibahagikan secara sistem pusaka kepada ahli keluarganya yang layak. Hal ini akan menyebabkan isteri dan anak-anaknya tidak mendapat tempat tinggal selepas pembahagian harta selesai, melainkan para pewaris mengizinkan haknya untuk dilepaskan.

Demikian juga dalam keadaan si mati meninggalkan tanah yang keluasanya kecil dan menjadi hasil pendapatan keluarganya. Tanah



sekecil itu juga akan dibahagikan untuk semua ahli waris yang layak untuk mendapat harta pusaka. Keadaan ini akan menjejaskan pendapatan isteri dan anak-anak yang ditinggalkan. Selain itu, faktor untuk menyelamatkan harta umat Islam juga perlu dilihat sekiranya terdapat pertikaian antara para ahli waris terhadap rumah, tanah, bangunan, dan sebagainya. Harta-harta tersebut akan dicairkan untuk mendapatkan sejumlah wang kerana lebih mudah untuk dibahagikan sesama ahli waris. Namun begitu, hal ini akan menyebabkan umat Islam kehilangan aset yang berharga. Melepaskan aset sedia ada akan membawa kemudaratannya yang besar kerana untuk mendapatkan sesuatu aset, seperti rumah, tanah dan bangunan memerlukan kos yang tinggi. Oleh itu, tersilap langkah dalam hal tersebut boleh membawa kerugian yang besar kepada masyarakat.

Tuntasnya, pemberian dan pembahagian harta melalui kaedah wasiat dan hibah amat sesuai untuk

Terdapat hikmah apabila Allah SWT menyediakan beberapa kaedah untuk menyelesaikan pemberian dan pembahagian harta sama ada melalui kaedah pusaka, wasiat atau hibah kepada umat Islam agar setiap harta dapat diuruskan dengan sempurna.”

dipraktikkan pada zaman sekarang agar tidak berlaku konflik terhadap harta dan ahli keluarga yang bakal ditinggalkan. Perlu diketahui bahawa semua jenis pensyariaan yang diturunkan oleh Allah SWT sangat adil dan membawa manfaat dan kebaikan kepada manusia. Namun begitu, disebabkan kita berada pada zaman *fasad al-zaman* (zaman yang rosak) yang disebabkan oleh pelbagai faktor, maka mengamalkan syariat seperti pusaka pada keadaan tertentu boleh mendatangkan fitnah dan pertikaian kerana sikap manusia yang tamak. Ketamakan ini kebiasaannya menyebabkan berlakunya penganiayaan kepada pihak tertentu, selain melibatkan penjualan harta umat Islam secara besar-besaran. Maka itu, terdapat hikmah apabila Allah SWT menyediakan beberapa kaedah untuk menyelesaikan pemberian dan pembahagian harta sama ada melalui kaedah pusaka, wasiat atau hibah kepada umat Islam agar setiap harta dapat diuruskan dengan sempurna.

Walaupun bagaimanapun, perlu ditekankan bahawa kaedah wasiat dan hibah hendaklah dilakukan melalui peraturan dan perundangan yang sah. Sekiranya tidak diuruskan dengan baik, hal tersebut boleh menimbulkan pertikaian dalam kalangan ahli keluarga, malah boleh menyebabkan pergaduhan yang besar. Oleh itu, wasiat dan hibah hendaklah dilakukan semasa tubuh badan masih sihat dan direkodkan di institusi yang dibenarkan secara perundangan, seperti Amanah Raya Berhad, dan badan pemegang amanah yang lain. Institusi tersebut akan membuat dokumentasi mengikut ketetapan yang dibenarkan oleh syarak dan selari dengan perundangan Islam di Malaysia agar tidak timbul pertikaian pada kemudian hari.

Perlu dititikberatkan bahawa sikap adil hendaklah diterapkan dengan baik semasa melakukan pembahagian harta melalui wasiat dan hibah. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui instrumen hibah, pemberi bebas untuk memberikan hartanya kepada sesiapa yang dikehendaki, manakala dalam kaedah wasiat terdapat had yang perlu dipatuhi oleh pemilik harta. Namun begitu, kebebasan dalam pemberian hibah hendaklah tidak disalah guna kerana jika tersilap langkah boleh mengundang dosa dan kemurkaan Allah SWT. Misalnya, memberikan sejumlah harta hibah kepada anak tertentu, tetapi tidak diberikan sejumlah demikian kepada anak yang lain melainkan terdapat sebab yang kukuh seperti anak tersebut masih tiada pendapatan kerana masih belajar, atau sebagainya. Ketidakadilan dalam pemberian hibah boleh menyebabkan pergaduhan dan pertikaian dalam kalangan adik beradik berkenaan.

Sememangnya, masyarakat Islam pada hari ini memerlukan kefahaman dan kesedaran yang tinggi terhadap pengurusan harta selepas kematian. Melalui kefahaman dan kesedaran tersebut, harta umat Islam dapat diselamatkan daripada terus dibekukan atau dijual supaya mudah dibahagikan sesama ahli waris setelah sesuatu aset dijual. Selain itu, hal ini juga memberikan peluang kepada keluarga yang lebih berhak untuk mendapatkan harta peninggalan kita kerana berada dalam kesukaran, seperti anak yang masih belajar, ibu atau bapa yang uzur, anak angkat yang sentiasa menjaga kita, dan isteri yang tiada pekerjaan. DTI